

## **ABSTRACT**

The Kejaman community is a small indigenous group living in the interior of Belaga, along the Balui River, in the Kapit Division of Sarawak, Malaysia. This study investigated the social network, language use and language ability among the Kejaman Community in Malaysia. The specific objectives of the study were to (1) compare the use of Kejaman to Malay, English, Chinese, Iban, Kayan, and Mixed Language by the three generations of Kejaman speakers; (2) determine the language ability of the three generations of Kejaman speakers to speak Kejaman, Malay, English, Iban, Kayan, and Mixed Language, and (3) compare the generational differences in the social network patterns of the Kejaman community. This study involved three generations of Kejaman speakers from two longhouses (Rumah Kejaman Neh Long Litten and Rumah Kejaman Ba Segaham) in Belaga. Data were collected from 123 participants through a questionnaire survey. The study employed Milroy's (1987) framework for social network analysis. In terms of language use, the study found that Mixed Language had the highest percentage of users, followed by the Kejaman language and the Iban language. Languages with the lowest percentage of users were Malay, English, Kayan and Chinese. The results of the study indicate that the older generation of the Kejaman community still speaks their native language, while the younger generation is switching to other languages. Additionally, findings from this study found there was a shift from monolingualism to multilingualism across three generations in the Kejaman community. Language ability varied significantly between the older and younger generations. The first and second generation had higher abilities in using their native language than Malay, English, Iban, Kayan, and Mixed Language. As for the third generation, their ability to speak their native language has significantly declined. Based on the analysis of the social networks for the Kejaman community, the participants had more

exchange networks than interactive networks. The exchange networks played a significant role in matters concerning families, money, properties, financial matters, as well as matters related to their cultural traditions and customs, such as funerals, deaths, and taboos. Interactive networks dominated matters related to health, grocery shopping, ICT, and work. In terms of density and multiplexity, results showed there were only slight differences between the three generations. All three generations had low density scores, indicating that they had few social networks. Results from multiplexity analysis showed that the majority of participants had uniplex social networks. Based on a four-matrix quadrant chart, the Kejaman community involved in this study falls into two quadrants; Quadrant 3 (Low density, Uniplex) and Quadrant 4 (High density, Uniplex).

**Keywords:** Language shift and maintenance, domains of language use, social network patterns, density, Kejaman community

***Hubungan Lingkungan Sosial, Penggunaan Bahasa dan Kemahiran Bahasa dalam  
Kalangan Komuniti Kejaman di Malaysia***

***ABSTRAK***

*Komuniti Kejaman adalah kumpulan minoriti yang tinggal di pedalaman Belaga, di sepanjang Sungai Balui, di Bahagian Kapit Sarawak, Malaysia. Kajian ini mengkaji peranan hubungan lingkungan sosial terhadap penggunaan bahasa dan kemahiran bahasa komuniti Kejaman. Objektif khusus kajian ini adalah untuk (1) membandingkan penggunaan bahasa Kejaman dengan bahasa lain antara tiga generasi komuniti Kejaman; (2) menentukan kemampuan berbahasa antara tiga generasi komuniti Kejaman bertutur dalam bahasa Kejaman, Melayu, Inggeris, Iban, Kayan, dan bahasa campuran serta (3) membandingkan pola hubungan lingkungan sosial antara tiga generasi komuniti Kejaman. Soal selidik telah dijalankan terhadap 123 orang responden daripada tiga generasi penutur Kejaman dari dua buah rumah panjang (Rumah Kejaman Neh Long Litten dan Rumah Kejaman Ba Segaham). Kajian ini telah menggunakan kerangka kerja Milroy (1987) untuk menganalisis hubungan lingkungan sosial. Dari segi penggunaan bahasa, kajian ini mendapati bahasa campuran mempunyai peratusan pengguna tertinggi, diikuti oleh bahasa Kejaman dan bahasa Iban. Peratusan terendah pengguna ialah bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Kayan dan bahasa Cina. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa generasi tua masyarakat Kejaman masih aktif bertutur dalam bahasa ibunda mereka, manakala generasi muda beralih kepada bahasa lain. Hasil daripada kajian ini juga mendapati terdapatnya peralihan daripada monolingualisme kepada multilingualisme yang berlaku dalam kalangan tiga generasi komuniti Kejaman. Bagi kebolehan berbahasa pula, terdapat perbezaan yang ketara antara generasi tua dan generasi muda. Hasil kajian menunjukkan*

*bahawa generasi pertama dan kedua mempunyai keupayaan yang lebih tinggi dalam penggunaan bahasa Kejaman. Generasi pertama masih aktif menggunakan bahasa ibunda, justeru itu, mereka lah yang paling fasih menggunakan bahasa Kejaman. Generasi kedua juga masih mahir bertutur dalam bahasa ibunda mereka kerana mereka masih berkomunikasi dengan ahli keluarga dan saudara mara dalam bahasa tersebut. Bagi generasi ketiga, kebolehan berbahasa dalam bahasa ibunda mereka menurun dengan ketara. Analisis rangkaian sosial mendapati bahawa peserta kajian mempunyai lebih banyak rangkaian pertukaran berbanding rangkaian interaktif. Rangkaian pertukaran memainkan peranan penting dalam hal berkaitan keluarga, harta benda, kewangan, dan tradisi serta budaya. Rangkaian interaktif mendominasi perkara yang berkaitan dengan kesihatan, membeli-belah, ICT dan pekerjaan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan kecil antara tiga generasi dari segi skor densiti dan skor multipleksiti. Ketiga-tiga generasi mempunyai skor densiti yang rendah sekaligus menunjukkan bahawa mereka mempunyai jumlah rangkaian sosial yang amat sedikit. Berdasarkan skor multipleksiti, kebanyakannya peserta mempunyai rangkaian sosial uniplex kerana rangkaian mereka tidak mengenali satu sama lain dalam lebih daripada satu konteks atau situasi. Divisualkan menggunakan carta suku empat-matriks, komuniti Kejaman yang terlibat dalam kajian ini tergolong dalam dua suku utama; Kuadran 3 (Densiti rendah, Uniplex) dan Kuadran 4 (Densiti tinggi, Uniplex).*

**Kata kunci:** *Pemertahanan dan peralihan bahasa, domain penggunaan bahasa, pola hubungan lingkungan sosial, densiti, komuniti Kejaman*